

Amalkan *Tabayyun* Terlebih Dahulu Sebelum Tular Maklumat



Oleh: Masitah Yaacob

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 7 Julai 2021

Memetik kitab tafsir al-Fath al-Qadir karangan Imam Syaukani, *tabayyun* bermaksud memeriksa dengan teliti dan yang dimaksudkan dengan *tatsabbut* (berhati-hati dan tidak tergesa-gesa) melihat dengan keilmuan yang dalam terhadap suatu peristiwa dan khabar yang datang, sampai menjadi jelas dan terang baginya.”



Gambar hiasan

Perkataan *tabayyun* mengikut tafsiran para ulama, berasal dari bahasa Arab yang bermaksud mensabitkan dan menyemak asas kebenarannya. Perbuatan berkongsi maklumat tanpa menggunakan konsep *tabayyun* boleh mengundang penyesalan kepada kita semua.

Tidak dinafikan bahawa kemudahan komunikasi hari ini membolehkan perkongsian maklumat dan penularan khabar dilaksanakan dengan pantas. Di sebalik kebaikannya, terselit kebimbangan yang boleh merugikan umat Islam.

Kemunculan pelbagai platform media baharu menyebabkan penularan maklumat menjadi lebih meluas dan mudah diakses oleh masyarakat tanpa mengira peringkat usia.

Namun, kecanggihan teknologi ini boleh memberi tempas terhadap tali persaudaraan dan perpaduan masyarakat.

Sejak pandemik COVID-19 melanda Malaysia, berita palsu semakin menular dalam kalangan masyarakat. Menurut Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) terdapat 287 dokumen siasatan mengenai kes berita palsu COVID-19 telah dibuka setakat ini.

Dalam konteks penyebaran maklumat palsu berkaitan dengan isu terkini, masyarakat seharusnya berwaspada apabila menerima sesuatu berita. Penularan maklumat palsu kebiasaannya tertumpu kepada tindakan memanipulasikan isu sensitif dalam kalangan masyarakat.

Sikap menyelidik dan menyiasat terlebih dahulu memperlihatkan rasa tanggungjawab yang dipikul oleh umat Islam. Hal ini bertujuan memastikan setiap maklumat yang disebarkan itu adalah dari sumber yang sahih dan benar.

Penelitian perlu dilakukan bagi memastikan maklumat yang disebarkan itu sentiasa ditapis. Hal ini selaras dengan firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat 6 yang bermaksud, “Wahai orang-orang yang beriman! Jika seseorang yang fasik datang kepadamu membawa suatu berita, maka telitilah kebenarannya, agar kamu tidak mencelakakan suatu kaum kerana kebodohan (kecerobohan), yang akhirnya kamu menyesali perbuatanmu itu.”

Pendekatan konsep tabayyun perlu dititikberatkan sebelum berkongsi maklumat. Penyebaran berita palsu akan mendatangkan kemurkaan Allah SWT serta tergolong dalam golongan pendusta.

Seperti hadis Nabi SAW yang bermaksud, “Cukuplah bagi seseorang itu digelar pendusta apabila menceritakan semua yang didengarinya (tanpa *tabayyun*).

Maklumat palsu sering disebarkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Oleh itu, masyarakat seharusnya bijak membuat pilihan tentang maklumat yang diterima, sama ada untuk disebarkan atau dihentikan.

Tambahan pula, meneliti dan menyemak terlebih dahulu dan tidak terburu-buru untuk menyebarkan maklumat adalah konsep tabayyun yang seharusnya diketengahkan dalam masyarakat.

Hal ini bertepatan dengan hadis Nabi Muhammad SAW yang bermaksud, “Sifat bertenang itu daripada Allah dan terburu-buru itu adalah dari syaitan.”

Sehubungan itu, sikap berhati-hati dalam menyebarkan maklumat digalakkan oleh Islam. Konsep tabayyun perlu diamalkan sebelum menyebarkan maklumat.

Kerjasama semua pihak adalah amat penting agar penyebaran maklumat palsu dapat diatasi bagi memastikan keharmonian umat Islam dan rakyat Malaysia sentiasa terjaga.

